

UMS lepaskan benih ketam, usaha tingkat pemuliharaan

UM 29/11/23 M/S 32

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil inisiatif pemuliharaan ekosistem marin melalui program pelepasan ketam bakau (*Scylla tranquebarica*) bertujuan memulihkan dan mengekalkan populasi ketam bakau di perairan Sabah.

Menurut Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), UMS Dr. Mohamad Tamrin Lal, melalui program tersebut, pihaknya menunjukkan komitmen tinggi dalam usaha memelihara biodiversiti ekosistem pantai di Malaysia serta menyokong kepada pengurusan sumber marin yang lebih mampan.

Katanya, program pelepasan ketam bakau yang dimulakan oleh UMS pada tahun 2015 adalah susulan daripada kejayaan pihak Hatceri Krustasia IPMB menjalankan pembenihan ketam bakau.

“Sejak tahun 2018 hingga 2022, sebanyak 45,000 benih ketam bakau telah berjaya dilepaskan di Tuaran, Kuala Penyu dan Kota Marudu manakala pada tahun ini, hampir 3,000 benih telah dilepaskan di Kota Kinabalu Wetland (*Ramsar Site*)



DUA penyelidik UMS melepaskan benih ketam bakau di Kota Kinabalu Wetland baru-baru ini.

Ogos lalu.

“Aktiviti ini melibatkan pendekatan komprehensif yang menyepadukan penyelidikan saintifik, penglibatan komuniti dan pemantauan jangka panjang.

“Penyelidik di Hatceri Krustasia IPMB sedang berusaha men-

jalankan penyelidikan yang lebih meluas bagi mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk pengenalan semula ketam bakau ke habitat asal, dengan mengambil kira faktor seperti kualiti air, komposisi sedimen dan ketersediaan sumber makanan semua jadi.

“Dengan memanfaatkan kepakaran sedia ada, penyelidik UMS dapat memastikan benih ketam bakau yang dilepaskan mempunyai peluang terbaik untuk hidup dan berjaya menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu,” jelasnya.